

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**DASAR PEMBERIMILIKAN KEPADA AGENSI KERAJAAN NEGERI DAN
PERSEKUTUAN IAITU PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI
KELANTAN (PKINK), YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN) DAN
LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 25/2025 yang bersidang pada 3 Disember 2025 telah menimbang dan bersetuju meluluskan pindaan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 3/1982 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 1/1986 berkaitan tempoh pemberimilikan tanah selama-lamanya kepada agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan pindaan sebagaimana berikut:
 - 2.1 Tempoh pegangan selama-lamanya yang dibenarkan kepada agensi Badan Berkanun Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) melalui Pekeliling PTG Kelantan Bilangan 3 Tahun 1982 dan Badan Berkanun Persekutuan iaitu Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) melalui Pekeliling PTG Kelantan Bilangan 1 Tahun 1986 dipinda daripada selama-lamanya kepada tempoh tidak melebihi 99 tahun.
 - 2.2 Manakala lain-lain syarat yang dinyatakan dalam pekelling-pekelling tersebut adalah dikekalkan.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Kelantan Bilangan 3 Tahun 1982 dan Pekeliling PTG Kelantan Bilangan 1 Tahun 1986.


.....
DATO' HAJI NIK RAISNAN BIN HAJI DAUD, D.P.S.K, P.M.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YBrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Pengarah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.16/7/20
BERTARIKH : 01 SYAABAN 1447H
20 JANUARI 2026**